

27/01/2001

Rais nafi khabar angin bakal ganti Isa

KUALA KLAUANG, Jumaat - Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim menafikan khabar angin beliau akan dilantik sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan menggantikan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad.

Beliau berkata, khabar angin itu sengaja digembar-gemburkan pihak tertentu dan tidak memberikan perhatian khusus terhadapnya.

"Bagi saya hal ini tidak perlu kerana saya pernah menjadi Menteri Besar... bak kata orang negeri ini, takkan nak balik ke takuk (lubok) lama. Ini tidak timbul.

"Soal jawatan kita tak pilih, mana saja diarahkan parti, kita berkhidmat," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Walaupun sebelum ini spekulasi Ahli Parlimen Jelebu itu dikatakan akan kembali ke negeri ini menjadi Menteri Besar sudah lenyap, ia dihebohkan semula apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan cadangan membuat rombakan Kabinet baru-baru ini yang turut membabitkan beberapa Menteri Besar.

Antara pemimpin Umno negeri yang disebut-sebut bakal digantikan ketika itu termasuk Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, sebaliknya beliau masih dikekalkan oleh Perdana Menteri dan begitu juga Mohd Isa yang masih meneruskan khidmatnya selepas rombakan itu diumumkan.

Ketika ditanya sama ada beliau sedia kembali ke Negeri Sembilan kerana pelbagai pihak masih membincangkan kedudukannya, beliau berkata terpulanglah kepada pucuk pimpinan parti, tetapi soal memegang semula jawatan Menteri Besar tidak timbul.

Rais pernah menjadi Menteri Besar Negeri Sembilan pada 1978-1982 sebelum berpindah ke Pusat untuk memegang jawatan Menteri Tanah dan Pembangunan Wilayah 1983, Menteri Penerangan mulai 1984 dan selepas itu menjadi Menteri Luar dari 1986-1987.

Beliau dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri 10 Disember 1999 selepas Pilihan Raya Umum lalu.

Dalam perkembangan lain, Umno bahagian Jelebu akan memberi laluan kepada Rais yang juga penasihat bahagian itu untuk mengambil alih tampuk pucuk pimpinan bahagian.

Ketua Umno bahagian, Yunus Rahmat, berkata beliau sedia melepaskan jawatan yang dimenangnya itu dua tahun lalu kepada Rais menjelang pemilihan pucuk pimpinan bahagian tidak lama lagi.

"Saya dan rakan sudah membuat keputusan dan mengkaji segala sudut supaya bahagian ini diterajui oleh Rais.

"Sebagai pemimpin yang dikehendai parti dan pucuk pimpinan negara, Rais layak untuk jawatan itu.

"Kita akan bincangkan perkara ini (pencalonan Rais) dalam Biro Politik bahagian Jelebu dan untuk disokong dalam mesyuarat jawatankuasa bahagian," katanya.

Yunus yang juga setiausaha politik Rais berkata, beliau sebaliknya akan beralih kepada jawatan timbalan ketua.

Beliau berharap, keputusan itu dapat diterima oleh semua ahli peringkat cawangan dan bahagian demi menjamin kestabilan parti di Parlimen Jelebu.

(END)